



Para jemputan bersama dengan pelajar-pelajar yang hadir ke sesi ceramah

Foto Oleh Dg. Norfahezah Ag. Mahmun

Bebas Dadah Mahasiswa Sejahtera

Oleh Dg. Norfahezah Binti Ag.Mahmun

dgnorfahezah95@yahoo.com

KOTA KINABALU, 11 MAC 2017- kelab Persatuan Mahasiswa Anti Dadah Malaysia (PEMADAM) UMS telah menganjurkan ceramah kempen Anti Dadah bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Negeri Sabah bertempat di Dewan Resitil pada hari ini.

Ceramah ini di hadiri oleh pegawai Agensi AADK, Jurulatih SUKSIS, pelajar-pelajar anggota SUKSIS serta guru dan pelajar daripada Sekolah Kebangsaan All Saint Kota Kinabalu serta pelajar yang turut serta mendengar ceramah yang disampaikan sendiri oleh Pegawai AADK, En. Azmie Bin Abdullah.

Menurut beliau, pada masa kini peralihan zaman menyebabkan najis dadah semakin berleluasa dan jumlah penagih semakin meningkat pada setiap tahun mengikut statistik yang dilaporkan oleh pihak polis.

“Zaman mengalami perubahan seperti juga dadah tradisional kepada moden, Negara kita ini juga tidak terkecuali dalam mengalami masalah ini.”

Sebagai seorang mahasiswa seharusnya bijak dalam membezakan hiburan yang mendatangkan keseronokan dan manfaat dengan hiburan yang boleh merosakkan bukan sahaja diri sendiri akan tetapi juga mendatangkan masalah kepada orang sekeliling.

“Remaja adalah permata bagi Negara yang akan meneruskan legasi, justeru itu diharapkan program ini bukan yang terakhir kali diadakan dalam meningkatkan pemahaman kita dalam masalah dadah serta mampu melahirkan masyarakat yang mampu berdaya saing dan jauh dari najis dadah.” Katanya.

Menurut Sabri Bayani seorang anggota SUKSIS turut berpendapat bahawa program seperti ini dapat memberi manfaat terutama sekali bagi pelajar yang mana dadah merupakan pemusnah anak bangsa yang utama di Malaysia.

“Bagi saya sendiri mengikuti ceramah seperti ini memberikan saya sedikit intipati dalam mengetahui apakah dadah sebenarnya dan jenis-jenis dadah yang terdapat di Negara ini. Ianya amat penting bagi mengetahui perkara-perkara seperti ini agar kita tidak mudah ditipu dan sebagainya.” Katanya ketika ditemubual.

Penyampaian hadiah kepada pemenang poster anti dadah paling kreatif disampaikan oleh Jurulatih SUKSIS, Tuan Sarjan Mejar Abdul Manap sebelum menutup tirai ceramah pada hari ini.



Sesi soal jawab bersama penceramah

Foto Oleh Dg. Norfahezah Ag. Mahmun